



SETIAUSAHA KERAJAAN KELANTAN

SIARAN AKHBAR

1. Sukacita dimaklumkan, pada hari ini YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan telah membuat pengisytiharan untuk pengetahuan orang ramai bahawa pada menjalankan kuasa-kuasa menurut Fasal (1) Perkara 43 Undang-Undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan (Bahagian Yang Kedua), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.(Selangor)., D.K.(Negeri Sembilan)., D.K.(Johor)., D.K.(Perak)., D.K.(Perlis)., D.K.(Kedah)., D.K.(Terengganu)., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K., S.P.J.K. Sultan dan Yang dipertuan bagi Negeri Kelantan Darul Naim telah mengadakan Pangkat Kemuliaan **DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH KELANTAN** yang dinamakan di dalam bahasa Inggeris sebagai "*Her Highness Sultanah of Kelantan*" dan **YANG TERAMAT MULIA CHE PUAN MAHKOTA KELANTAN** yang dinamakan di dalam bahasa Inggeris sebagai "*Her Highness Che Puan Mahkota of Kelantan*".
2. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, D.K., D.K.M., D.M.N., D.K.(Selangor)., D.K.(Negeri Sembilan)., D.K.(Johor)., D.K.(Perak)., D.K.(Perlis)., D.K.(Kedah)., D.K.(Terengganu)., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K., S.P.J.K. Sultan dan Yang dipertuan bagi Negeri Kelantan Darul Naim juga telah mengampuni perkenan mengurniakan Pangkat Kemuliaan DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH KELANTAN ini dihadapan isteri Baginda, iaitu **YBhg. Che Puan Nur Diana Petra Abdullah** dengan gelaran :-

DULI YANG MAHA MULIA SULTANAH NUR DIANA PETRA

ABDULLAH

Sultanah Kelantan

3. Baginda juga telah mengampuni perkenan mengurniakan Pangkat Kemuliaan YANG TERAMAT MULIA CHE PUAN MAHKOTA KELANTAN kehadapan YBhg. Che Puan Sofie Louise Johansson Petra, isteri Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Kelantan dengan gelaran :-

**YANG TERAMAT MULIA CHE PUAN SOFIE LOUISE JOHANSSON
PETRA**

Che Puan Mahkota Kelantan

4. Semua kurniaan Pangkat Kemuliaan ini adalah berkuat kuasa pada hari ini **Selasa, 04 haribulan Muharram 1444H** bersamaan dengan **02 haribulan Ogos 2022**.
5. Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,


DATO' KAYA SETIA
DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD, P.J.N., S.P.S.K. (Kelantan)

Bertarikh pada : **04 haribulan Muharram 1444H**
bersamaan dengan **02 haribulan Ogos 2022**